

13/07/1998

Sukom: Usah korban imej negara

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam membangkitkan soal pengurusan Sukan Komanwel, Kuala Lumpur 1998 (Sukom 98) yang kita anggap `nasihat bercampur sindiran'. Siapa yang makan cili, merekalah yang terasa pedasnya. Walaupun tidak menyebutnya dengan jelas, apa yang kita pasti ialah pengurusan Sukom 98 mempunyai masalah. Jika tidak, Perdana Menteri tidak akan membangkitkan perkara itu. Pada kita, Dr Mahathir menyuarakan pandangannya itu kerana kita yakin beliau sendiri memantau perjalanan pengurusan Sukom 98. Beliau bukan sekadar mendengar sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku dalam hal ehwal pengurusan Sukom 98, malah tentunya sudah menjalankan penyiasatan sendiri.

Kita mengakui masalah memang wujud kerana pihak yang ditugaskan untuk menjayakan acara sukan kedua terbesar di dunia itu agak meluas, masing-masing dengan kepentingannya. Jika ada pihak yang agak menonjol, maka akan berlakulah pandangan yang negatif. Namun, disebabkan projek ini diterima atas nama kepentingan negara, sewajarnya Dr Mahathir memberi nasihat, sebelum kekecohan benar-benar berlaku. Yang pasti, Dr Mahathir tidak mahu berlaku gangguan yang tidak berfaedah. Selepas banyak wang dan tenaga dibelanjakan, negara akan hanya mencipta rekod nama yang buruk, tidak cekap dan tidak layak menganjurkan sebarang acara besar bertaraf dunia. Apakah ini yang kita mahu?

Oleh itu, kita berharap semua pihak mendengar nasihat Dr Mahathir dengan meningkatkan kecekapan pengurusan, khususnya pada waktu sebenar acara sukan itu dilangsungkan. Waktu yang tinggal bukanlah terlalu panjang. Makin hampir menjelang Sukom 98, banyak masalah baru yang akan dihadapi. Itulah sebabnya semua pihak perlu menyelesaikan sebarang masalah yang ada, supaya ia tidak bertimpa-timpa.

Walaupun mengakui kerja mengurus pelbagai aspek dalam Sukom 98, sebelum dan ketika acara sukan diadakan, bukanlah mudah, namun kita percaya dengan tenaga pakar yang ada, kita mampu menyelesaikan segala masalah dengan baik, asalkan masing-masing tidak mementingkan ego. Sokongan padu semua pihak terutamanya mereka yang terbabit dalam hal ehwal menguruskan acara sukan itu, mestilah senada, demi menjulang nama negara.

Jika perselisihan pendapat yang berlaku hari ini tidak dapat diselesaikan mulai sekarang, pelbagai masalah besar akan terbongkar. Ketika itu, kita tidak perlu lagi mendengar alasan, selepas nasi sudah menjadi bubur.

Apa yang agak mengecewakan ialah apabila Dr Mahathir membangkitkan ada pihak yang cuba mempertahankan empayar sendiri. Rupa-rupanya dalam melaksanakan fungsi untuk menaikkan maruah negara, wujud juga percaturan politik pihak tertentu. Apakah dalam menganjurkan sukan seperti ini perlu ada empayar, sedangkan matlamat kita ialah untuk menjayakan Sukom 98 atas nama kepentingan negara. Kita mempersoalkan mengapa perlu wujud kelompok dalam pihak pengurusan. Kita tidak dapat menerima sebarang alasan, apatah lagi jika masalah yang berlaku ini dikaitkan dengan soal perniagaan. Semua ini mengesahkan pelbagai kerumitan yang dihadapi pihak yang menguruskan acara sukan itu.

Jika inilah yang berlaku, lupakan saja jika kita mahu menjadi negara terbaik menganjurkan acara itu.

Kita mungkin boleh menyediakan segala kelengkapan sukan dan keperluan kepada ahli sukan dari seluruh negara Komanwel mengikut jadual yang ditetapkan. Namun, kejayaan dari segi fizikal semata-mata bukanlah ukuran

kejayaan atau kegagalan Sukom 98. Apa yang lebih penting ialah kelicinan penganjuran acara sukan yang diadakan, penyelarasan antara satu pihak dengan pihak yang lain dan paling penting, hubungan dan kerjasama sesama sendiri. Seandainya ada pihak yang menganggap apa yang mereka lakukan saja yang betul, maka percanggahan pendapat dan tugas, tetap akan berlaku. Ia akan hanya memburukkan keadaan.

Pada kita, campur tangan Dr Mahathir supaya penganjuran sukan ini dapat dijayakan dengan berkesan, amatlah wajar diberi perhatian. Tanpa teguran dan kenyataan pedas seperti ini, pihak yang terbabit mungkin tidak menyedari kesalahan mereka. Mereka mungkin bersetuju dengan sesuatu keputusan ketika bermesyuarat, tetapi di luar dewan, mereka membuat pandangan yang berbeza. Pada kita, jika tidak timbul masalah besar, sudah tentu banyak perkara dapat diselesaikan. Kita ambil contoh usaha mempromosikan Sukan 98 dan jualan tiket yang kita anggap masih lemah. Sudah tentulah keadaan ini timbul berpunca pelbagai pendapat yang bercanggah. Pada kita, setiap pihak tidak seharusnya mengorbankan imej negara.

(END)